




PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Langkah Mengatasi Pencemaran

sekolah mengadakan aktiviti berkaitan pemeliharaan alam sekitar

- aktiviti penanaman pokok
- kem alam sekitar
- aktiviti kitar semula

peranan ibu bapa – didikan sejak kecil / menjadi contoh teladan kepada anak-anak

media massa menyebarkan maklumat tentang kepentingan menjaga alam sekitar



peranan pihak kerajaan



menjejaskan kesihatan

- Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengadakan kempen Cintai Alam / sambutan Hari Alam Sekitar
- larangan penggunaan beg plastik dan polisterina
- penguatkuasaan undang-undang yang tegas (kompaun, khidmat masyarakat, penjara)
- meningkatkan mutu pengangkutan awam

- sumber air yang tercemar – cirit-birit
- udara tercemar – penyakit pernafasan kronik seperti asma

Kesan Pencemaran

berlaku pelbagai bencana alam yang mengorbankan nyawa dan harta benda

- jerebu
- tanah runtuh
- banjir kilat

Faktor Pencemaran

- membuang sampah merata-rata
- membuat pembakaran terbuka

kurang kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar

projek pembangunan dan perindustrian yang tidak terkawal

penguatkuasaan undang-undang yang lemah


pertambahan bilangan kenderaan bermotor

CATATAN

Kepentingan alam sekitar yang bersih:

- kelangsungan flora dan fauna
- sumber tenaga
- sumber pendapatan dan ekonomi negara
- sumber air, makanan dan perubahan

PERMAINAN TRADISIONAL



SEMANGAT KEJIRANAN

Langkah Menyuburkan Semangat Kejiranan

- membawa anak-anak menyertai aktiviti kemasyarakatan
- menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak – bertegur sapa & bertanya khabar, menziarahi jiran

ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan semangat kejiranan sejak kecil

peranan individu – menerima dan menghormati kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa

media massa menyebarkan maklumat tentang kepentingan semangat kejiranan

- menayangkan filem atau drama yang mengandungi nilai-nilai kemasyarakatan

- para penduduk berpeluang untuk bersua muka, bertegur sapa dan mengenali antara satu sama lain
- gotong royong, sukaneka, rumah terbuka

penganjuran aktiviti kemasyarakatan oleh persatuan penduduk / badan bukan kerajaan (NGO)

mudah mendapat bantuan apabila menghadapi sesuatu masalah

- jiran ialah orang yang paling dekat untuk meminta pertolongan

Kepentingan Semangat Kejiranan



memupuk semangat perpaduan

- jiran yang berbeza agama dan budaya dapat mengenal dan lebih dekat budaya kaum lain

Faktor Kelunturan Semangat Kejiranan

- ketiadaan masa untuk mengenali jiran tetangga

perubahan gaya hidup – kesibukan mencari rezeki

pengaruh budaya barat: sikap individualistik

- berpegang kepada konsep jaga tepi kain sendiri

kemajuan bidang teknologi maklumat (telefon pintar, komputer)

sikap perkauman yang ekstrem

- tidak suka bergaul dengan jiran yang berbeza kaum


menjamin keselamatan kawasan kejiranan melalui pembentukan Rukun Tetangga

- mengelakkan ancaman kebakaran, pencuri rumah, banjir, dsb.

CATATAN

Kesan kelunturan semangat kejiranan:

- melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
- keharmonian terjejas – jenayah berleluasa
- pembangunan negara terjejas



BIDANG PERTANIAN

Langkah Menggalakkan Generasi Muda Menceburi Bidang Pertanian

peranan ibu bapa – mendedahkan anak-anak kepada bidang pertanian

anugerah & penghargaan kepada individu yang menceburi bidang pertanian

kerajaan (KPKM) melaksanakan kempen dan hebahan tentang pertanian secara meluas

- menarik minat pelajar memilih program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pertanian
- menceritakan kejayaan petani muda sebagai sumber inspirasi
- Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth

galakan dan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, infrastruktur dan latihan

menjamin kecukupan bekalan makanan negara

- mengelakkan negara berhadapan krisis kekurangan bekalan makanan
- mengurangkan kebergantungan terhadap makanan import

Kepentingan Bidang Pertanian

mewujudkan peluang pekerjaan

- mengurangkan pengangguran & mengatasi kemiskinan
- meningkatkan taraf hidup rakyat

Apakah Pertanian Pintar (Smart Farming)?

- pengurusan ladang menggunakan teknologi seperti Internet Pelbagai Benda (IoT), robotik, dron dan AI (kecerdasan buatan)

- penggunaan dron untuk menyebarkan racun, menabur benih
- sistem pengairan pintar

pertanian pintar – penggunaan teknologi canggih sejajar dengan Revolusi Perindustrian 4.0

meningkatkan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D)

- untuk mencetuskan lebih banyak inovasi berterusan

agensi pertanian merangka strategi pemasaran hasil pertanian yang berkesan

geran, dana dan latihan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)


- bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) & Geran Agropelancongan

meningkatkan ekonomi negara melalui pengeksporan hasil pertanian

Faktor generasi muda tidak meminati bidang pertanian:

- kurang pengetahuan tentang bidang pertanian
- tidak mendapat galakan daripada ibu bapa
- masalah modal
- lebih berminat kerja makan gaji

CATATAN



- promosi dalam talian dan media sosial – Kempen Tahun Melawat Malaysia
- penganjuran acara besar seperti sukan antarabangsa dan kebudayaan – LIMA, Le Tour de Langkawi, Formula One

promosi yang agresif oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan Malaysia



PELANCONGAN

- melihat & mempelajari keunikan warisan budaya, bahasa, adat istiadat di sesuatu tempat

meningkatkan pengetahuan dan pengalaman

menjana ekonomi negara melalui kedatangan pelancong

- pelbagai produk pelancongan: ekopelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan

mengeratkan hubungan kekeluargaan / persahabatan

Faedah Melancong

menenangkan fikiran daripada tekanan kerja / masalah peribadi

Keistimewaan Malaysia

mempunyai kepelbagaian budaya

infrastruktur pelancongan yang kondusif

- kaya dengan pelbagai suku kaum, bahasa, adat istiadat yang unik

- penginapan yang selesa dan selamat, pengangkutan awam yang efisien serta negara yang aman dan harmoni

Langkah Memajukan Sektor Pelancongan

peranan rakyat tempatan sebagai duta kecil negara

- menjaga kebersihan kawasan pelancongan
- bersikap ramah

kerajaan menambah baik dan meningkatkan prasarana pelancongan negara

- kemudahan penginapan dan pengangkutan
- pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara



penyediaan kursus dan latihan kepada tenaga kerja dalam bidang pelancongan

- meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan agar mesra pelancong

tarikan alam semula jadi yang mengagumkan

- pantai yang indah, gunung, hutan hujan tropika dan tasik yang menakjubkan

CATATAN

Faedah melancong dalam negara:

- menjimatkan kos
- menyuburkan semangat patriotisme
- memudahkan komunikasi
- menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara

SUKAN LASAK

Langkah Memajukan Sukan Lasak

Cabaran Memajukan Sukan Lasak

Faedah Sukan Lasak

meningkatkan pengetahuan dan pengalaman

meningkatkan kemahiran sosial

• memupuk sikap tolong-menolong, kerjasama dan semangat berpasukan

meningkatkan kecergasan fizikal dan mental

• koordinasi tubuh, fleksibiliti
• daya tumpuan

CATATAN

Contoh sukan lasak:

- kembara berpandu arah
- meluncur udara
- mendaki gunung
- larian denai (trail run)
- sukan permotoran
- eksplorasi gua

menjana ekonomi negara melalui penganjuran kejohanan sukan lasak bertaraf antarabangsa

• Kejohanan Langkawi Geopark Enduro Challenge (KLGEC)

kos yang tinggi

- kos yang tinggi untuk membeli peralatan / kelengkapan yang diperlukan
- kos untuk mendapatkan jurulatih yang berpengalaman

risiko kecederaan dan kematian

- risiko yang tinggi menyebabkan sukan lasak kurang mendapat sambutan

kekurangan infrastruktur dan prasarana untuk menjalankan aktiviti sukan lasak

- sukan lasak masih belum meluas perkembangannya berbanding dengan sukan-sukan lain

peranan kerajaan

pihak swasta menawarkan penajaan kepada atlet sukan lasak

membangunkan infrastruktur sukan lasak – pusat sukan ekstrem bekerjasama dengan pihak swasta untuk menganjurkan kejohanan sukan lasak pada pelbagai peringkat

ibu bapa menggalakkan penyertaan anak-anak dalam sukan lasak

penubuhan kelab sukan lasak sebagai aktiviti kokurikulum di institusi-institusi pendidikan

- mengasah bakat baharu

- mendaftarkan anak-anak mengikuti kursus / kem sukan lasak